

**ANALISIS PELAKSANAAN ŞULĤ
DI MAHKAMAH SYARIAH
NEGERI KEDAH**

KHAIRUL FIRDAUS BIN ABU BAKAR

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2021

**ANALISIS PELAKSANAAN ŞULĤ
DI MAHKAMAH SYARIAH
NEGERI KEDAH**

oleh

KHAIRUL FIRDAUS BIN ABU BAKAR

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera**

Mac 2021

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T. Ṣalawāt dan salām ke atas Nabi Muhammad S.A.W, keluarga serta sahabat-sahabat Baginda yang taat setia hingga akhir zaman.

Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Madya Dr. Atikullah bin Abdullah, selaku penyelia di atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan banyak membantu kepada kejayaan dalam penghasilan tesis ini. Segala bantuan, semangat, strategi dan kebijaksanaan beliau telah banyak mengajar saya untuk menjadi seorang penyelidik. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pensyarah-pensyarah Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan yang telah memberikan bimbingan dan menyumbangkan pandangan bernas kepada pengkaji ini.

Terima kasih kepada pihak Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah kerana telah memberi sokongan penuh dalam kerja lapangan dan memudahkan proses untuk mendapat data. Setinggi penghargaan yang tidak terhingga kepada Yang Amat Arif Dato' Sheikh Hj. Rahman bin Hj. Abdullah-Ketua Hakim Syarie Mahkamah Syariah Negeri Kedah kerana memberi keizinan untuk melakukan kajian di jabatan tersebut. Ucapan terima kasih kepada Tuan Syeikh Amiruddin Putera bin Zainol Abidin-Ketua Pendaftar Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah, Tuan Syeikh Kamaruslan-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Kedah, Dr. Syeikh Hazizan bin Md. Desa-Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Undang-undang Keluarga Islam, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah, Tuan Syeikh Mohd Faizal Bin Mohd Mahayadin-Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Kedah, Puan Norlida binti Zakaria-Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Padang Terap, Puan Nurul

Yaqen binti Salleh-Ketua Unit Şulh dan Pegawai Şulh di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kubang Pasu, Puan Shamsul Nadia Binti Shamrin-Pegawai Penyelidik Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah, Pegawai-pegawai Şulh Negeri Kedah, Mohamad Nazri bin Abdullah-Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Daerah Padang Terap dan Muhd Pakrol Razi Hussin-Penolong Pegawai Rekod Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah kerana memberi kerjasama yang baik dan sudi untuk ditemubual berkaitan dengan pelaksanaan şulh di Mahkamah Syariah Negeri Kedah.

Ribuan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa yang saya hormati, Haji Abu Bakar bin Haji Ahmad dan Pn. Hjh. Azizah binti Bakar yang sentiasa memberi kasih sayang, dorongan, doa, peringatan dan panduan hidup yang amat saya perlukan. Ucapan terima kasih kepada isteri tersayang, Pn. Azneta binti Ahmad dan tiga putera, Muhamad Alawiy Nurullah, Ahmad Arham Nur Iskandar, Muhammad Naeil Majdi dan seorang puteri Aisyah Nailatul Safiyya atas kesabaran, sokongan, bantuan, toleransi, cinta dan doa kalian, sehingga tesis dan pengajian ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Tidak lupa kepada teman seperjuangan Ustaz Shauqi Ibrahim. Sesungguhnya segala pengorbanan yang telah dilakukan amat saya sanjungi dan akan saya ingati sepanjang hayat ini. *Jazakumu Allahu Khairan Kathira.*

Khairul Firdaus Bin Abu Bakar
Masjid Zahir (Masjid Negeri Kedah/Masjid Diraja)
Jalan Kampung Perak
05150 Alor Setar
Kedah Darul Aman.

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI TRANSLITERASI	xiv
SENARAI SINGKATAN	xvi
ABSTRAK	xvii
ABSTRACT	xix
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian.....	4
1.3 Persoalan Kajian	12
1.4 Objektif Kajian.....	12
1.5 Kepentingan Kajian	13
1.6 Sorotan Kajian Lalu	13
1.7 Skop Kajian.....	28
1.8 Metodologi Kajian	29
1.8.1 Metode Pengumpulan Data.....	30
1.8.1(a) Kajian Kepustakaan	31
1.8.1(b) Kajian Lapangan	32
1.8.1(b)(i) Metod Temu bual	32
1.8.1(b)(ii) Metod Pemerhatian	36
1.8.2 Metod Analisis Data	37
1.8.2(a) Metod Induktif	37
1.8.2(b) Metod Deduktif	38

1.8.1(c)	Metod Komparatif	39
BAB 2	KONSEP ŞULĦ DALAM FIQH ISLAM	41
2.1	Pengenalan	41
2.2	Definisi ŞulĦ Dalam Islam	42
2.2.1	Definisi ŞulĦ Menurut Bahasa	42
2.2.2	Definisi ŞulĦ Menurut Istilah	43
2.2.3	ŞulĦ Menurut Pandangan Fuqaha Kontemporari	47
2.2.4	Analisis Perbahasan ŞulĦ Menurut Fuqaha	48
2.3	Dalil Pensyariatan ŞulĦ	58
2.3.1	ŞulĦ Dalam Al Quran	59
2.3.2	ŞulĦ Dalam Hadis	62
2.3.3	ŞulĦ Dalam Amalan Sahabat R.A.	66
2.3.4	ŞulĦ dalam Ijmak	69
2.4	Rukun dan Syarat ŞulĦ	70
2.4.1	Pihak-pihak yang Berakad,	71
2.4.2	Pernyataan Tawaran dan Penerimaan (<i>Şīghah</i>)	73
2.4.3	Hak yang Dipertikaikan	76
2.4.4	Gantian Terhadap Objek yang Dipertikaikan	78
2.5	Pembahagian ŞulĦ Menurut Fuqaha	79
2.5.1	ŞulĦ <i>Iqrār</i>	80
2.5.2	ŞulĦ <i>Inḡār</i>	80
2.5.3	ŞulĦ <i>Sukūt</i>	82
2.6	Jenis-Jenis ŞulĦ Menurut Fuqaha	87
2.7	Hikmah Pensyariatan ŞulĦ dalam Konteks Semasa	88
2.8	ŞulĦ Berkaitan Hak Suami dan Isteri Dalam Perkahwinan	89
2.9	Rumusan	95

BAB 3	PENTADBIRAN ŞULĤ SECARA UMUM DI KEDAH	97
3.1	Pengenalan	97
3.2	Perkembangan Pentadbiran ŞulĤ di Negeri Kedah	97
3.2.1	Pentadbiran ŞulĤ Semasa Era Kesultanan Melayu Kedah.....	97
3.2.2	Pentadbiran ŞulĤ Semasa Era Penjajahan.....	103
3.2.3	Pentadbiran ŞulĤ Selepas Merdeka.....	111
3.2.3(a)	Fasa Pentadbiran Mahkamah Kadi.....	113
3.2.3(a)(i)	Pentadbiran Timbangtara Menerusi Kaedah ŞulĤ, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Undang-undang Negeri Kedah) No. 9 Tahun 1962.....	115
3.2.3(a)(ii)	Pentadbiran Hakam Menerusi Kaedah ŞulĤ Enakmen Undang-undang Keluarga Islam 1979	117
3.2.3(b)	Fasa Pentadbiran Mahkamah Syariah	122
3.2.3(b)(i)	Pentadbiran Jawatankuasa Pendamai Menerusi Kaedah ŞulĤ, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008, Seksyen 47 (5).....	124
3.2.3(b)(ii)	Pentadbiran Hakam Menerusi Kaedah ŞulĤ Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008, Seksyen 48	127
3.3	Pentadbiran Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah (JKSNK)	135
3.3.1	Organisasi Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah.....	137
3.3.2	Enakmen dan Perundangan yang digunakan	138
3.3.3	Peringkat Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah dan Bidangkuasanya	140
3.3.3(a)	Mahkamah Rayuan Syariah	141
3.3.3(b)	Mahkamah Tinggi Syariah.....	142
3.3.3(c)	Mahkamah Rendah Syariah	144
3.4	Pengurusan dan Pentadbiran ŞulĤ Di Mahkamah Syariah Negeri Kedah	147

3.4.1	Kedudukan dan Bidangkuasa Şulh	149
3.4.2	Prosuder Kerja Şulh	151
3.4.2(a)	Pendaftaran Kes dan Bidang Kuasa Mahkamah	152
3.4.2(a)(i)	Jenis Pendaftaran Kes	153
3.4.2(b)	Pendaftar Menilai Kes Bicara Atau Kes Şulh	160
3.4.2(c)	Mengeluarkan Notis Şulh.....	163
3.4.2(d)	Kehadiran Pihak-pihak Yang Bertikai	164
3.4.2(e)	Keputusan Majlis Şulh Berjaya atau Gagal	165
3.4.2(e)(i)	Majlis Şulh Berjaya.....	166
3.4.2(e)(ii)	Majlis Şulh Gagal	166
3.4.3	Manual Kerja Şulh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM).....	167
3.4.3(a)	Kenyataan Awal (Ta‘aruf) Pegawai Şulh	169
3.4.3(b)	Pembentangan Awal Pihak Yang Bertikai	170
3.4.3(c)	Perbincangan Bersama	171
3.4.3(d)	Pertemuan Sebelah Pihak	172
3.4.3(e)	Perundingan Bersama.....	173
3.4.3(f)	Penghakiman Berasaskan Persetujuan.....	174
3.4.3(g)	Kes Diserahkan Kembali.....	175
3.4.3(h)	Kerahsiaan.....	175
3.5	Penyelesaian, Penarikan Balik, Pemberhentian dan Şulh.....	176
3.6	Rumusan	177
BAB 4 ANALISIS PELAKSANAAN ŞULH DI MAHKAMAH SYARIAH NEGERI KEDAH DARUL AMAN.....		
4.1	Pengenalan	179
4.2	Kedudukan Awal Pelaksanaan Şulh di Mahkamah Syariah Negeri Kedah	180
4.3	Analisis Keberkesanan Pelaksanaan Şulh di Mahkamah Syariah Negeri Kedah dan Perkembangannya	184

4.3.1	Analisis Keberkesanan Pelaksanaan Şulh Berdasarkan Senarai Mahkamah Syariah Negeri Kedah	184
4.3.1(a)	Analisis Keberkesanan Pelaksanaan Şulh di Peringkat Mahkamah Rendah Syariah Negeri Kedah	187
4.3.1(b)	Analisis Keberkesanan Pelaksanaan Şulh di Peringkat Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Kedah	192
4.3.2	Analisis Keberkesanan Pelaksanaan Şulh Mengikut Tahun Mulai Awal 2011 hingga Akhir 2019	198
4.3.2(a)	Analisis Keberkesanan Pelaksanaan Şulh di Peringkat Mahkamah Rendah Syariah Mengikut Tahun dari Awal Tahun 2011 hingga Akhir 2019	202
4.3.2(b)	Analisis Keberkesanan Pelaksanaan Şulh di Peringkat Mahkamah Tinggi Syariah Mengikut Tahun Dari Awal Tahun 2011 Hingga Akhir 2019	203
4.3.3	Analisis Keberkesanan Pelaksanaan Şulh Menerusi Agihan Jenis Kes Şulh di Mahkamah Syariah Negeri Kedah	213
4.3.3(a)	Analisis Keberkesanan Pelaksanaan Şulh Menerusi Agihan Jenis Kes Şulh di Peringkat Mahkamah Rendah Syariah	217
4.3.3(b)	Analisis Keberkesanan Pelaksanaan Şulh Menerusi Agihan Jenis Kes Şulh di Peringkat Mahkamah Tinggi Syariah	220
4.4	Analisis Tempoh Masa Penyelesaian Kes Şulh	227
4.4.1	Kedudukan Awal Berkaitan Analisa Tempoh Masa	228
4.4.2	Tempoh Masa Kes Şulh	239
4.4.2(a)	Tempoh Masa Kes Şulh di Peringkat Mahkamah Rendah Syariah Negeri Kedah	241
4.4.2(a)(i)	Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kota Setar	243
4.4.2(a)(ii)	Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kubang Pasu	245
4.4.2(a)(iii)	Mahkamah Rendah Syariah Daerah Padang Terap	248

4.4.2(b)	Tempoh Masa Kes Şulh di Peringkat Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Kedah.....	251
4.4.3	Tempoh Jarak Masa Penyelesaian Kes Şulh.....	257
4.4.3(a)	Tempoh Jarak Masa Penyelesaian Kes Şulh Tidak Melebihi 90 hari	257
4.4.3(b)	Tempoh Jarak Masa Penyelesaian Kes Şulh Melebihi 90 hari	263
4.5	Rumusan	268
BAB 5 PENUTUP DAN CADANGAN		270
5.1	Pengenalan	270
5.2	Penemuan / Dapatan Kajian.....	270
5.2.1	Rumusan Objektif Pertama	270
5.2.1(a)	Şulh Diperuntukkan dalam Hukum Syarak.....	270
5.2.1(b)	Perbincangan Para Fuqaha Empat Mazhab Berkaitan dengan Şulh	271
5.2.1(c)	Şulh dalam Enakmen, Kaedah-kaedah dan Arahan Amalan	274
5.2.2	Rumusan Objektif Kedua.....	275
5.2.2(a)	Keberkesanan Pelaksanaan Şulh Melalui Senarai Mahkamah Syariah Negeri Kedah	276
5.2.2 (a)(i)	Tidak Semua Mahkamah Menguruskan Kes Şulh.....	276
5.2.2(b)	Keberkesanan Pelaksanaan Şulh Secara Tahunan	277
5.2.2(c)	Keberkesanan Pelaksanaan Şulh Melalui Jenis Kes	278
5.2.2(c)(i)	Şulh Bagi Kes Pembubaran Perkahwinan / Perceraian.....	278
5.2.3	Rumusan Objektif Ketiga.....	279
5.2.3(a)	Tempoh Masa Şulh Sebagai Kes Sebelum Perbicaraan.....	280
5.2.3(a)(i)	Kes Diselesaikan dalam Tempoh 90 Hari	280

5.2.3(a)(ii)	Kes Diselesaikan Melebihi Tempoh 90 Hari	285
5.3	Saranan Dan Cadangan	288
5.3.1	Saranan Kepada Pengkaji Akan Datang	288
5.3.2	Saranan Kepada Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah.....	289
5.3.3	Saranan kepada Pengamal dan Pengurusan Unit Şulh.....	290
5.4	Rumusan	291
BIBLIOGRAFI		293
LAMPIRAN		

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1	Perbezaan dan persamaan jenis kaedah penyelesaian pertikaian alternatif..... 134
Jadual 2	Jenis kes şulh yang dirujuk di Mahkamah Syariah Negeri Kedah..... 181
Jadual 3	Statistik kes şulh dari awal tahun 2011 hingga akhir 2019 di Mahkamah Syariah Negeri Kedah 185
Jadual 4	Statistik kes şulh dari awal tahun 2011 hingga akhir 2019 di peringkat Mahkamah Rendah Syariah Negeri Kedah 188
Jadual 5	Statistik kes şulh dari awal tahun 2011 hingga akhir 2019 di peringkat Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Kedah..... 192
Jadual 6	Statistik kes şulh di Mahkamah Syariah Negeri Kedah mengikut tahun dari awal 2011 hingga akhir 2019 201
Jadual 7	Statistik kes şulh di peringkat Mahkamah Rendah Syariah Negeri Kedah mengikut tahun dari awal 2011 hingga akhir 2019 202
Jadual 8	Statistik kes şulh di peringkat Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Kedah mengikut tahun dari awal 2011 hingga akhir 2019 203
Jadual 9	Perbezaan laporan statistik jumlah kes şulh secara manual dan <i>e-Syariah</i> bagi awal tahun 2011 hingga akhir tahun 2015 di Mahkamah Syariah Negeri Kedah 209
Jadual 10	Senarai nombor fail kes şulh yang tidak direkodkan tarikh pendaftaran dan tarikh agihan kes ke Majlis Şulh..... 211
Jadual 11	Jumlah kes şulh yang masih dalam prosiding di Mahkamah Syariah Negeri Kedah pada tahun semasa..... 212
Jadual 12	Agihan jenis kes şulh di Mahkamah Syariah Negeri Kedah bagi tahun 2011 sehingga 2019 214
Jadual 13	Agihan jenis kes şulh di peringkat Mahkamah Rendah Syariah bagi tahun 2011 sehingga 2019..... 218
Jadual 14	Agihan jenis kes şulh di peringkat Mahkamah Tinggi Syariah bagi tahun 2011 sehingga 2019 220
Jadual 15	Kes pembubaran perkahwinan secara fasakh menerusi prosiding şulh 222

Jadual 16	Jumlah pendaftaran kes sulh di Mahkamah Syariah Negeri Kedah Darul Aman bagi tahun 2011 sehingga 2019.....	229
Jadual 17	Jumlah kes sulh di Mahkamah Syariah Negeri Kedah berdasarkan kategori kes tertinggi, sederhana dan rendah bagi tahun 2011 hingga 2019	230
Jadual 18	Senarai Mahkamah Syariah dan jumlah kes terpilih.....	232
Jadual 19	Kategori penyelesaian kes berdasarkan senarai Mahkamah Syariah terpilih	233
Jadual 20	Semakkan 300 kes sulh di Mahkamah Syariah Negeri Kedah berdasarkan tahun dan jumlah bilangan.....	233
Jadual 21	Jenis kes sulh yang terlibat dengan semakkan fail kes secara rawak	234
Jadual 22	Jenis kes sulh mengikut senarai Mahkamah Syariah	235
Jadual 23	Jenis kes sulh yang terlibat dengan semakkan fail kes secara rawak di peringkat Mahkamah Rendah Syariah mengikut kategori kes selesai.....	237
Jadual 24	Jenis kes sulh yang terlibat dengan semakkan fail kes secara rawak di peringkat Mahkamah Tinggi Syariah mengikut kategori kes selesai.....	238
Jadual 25	Tempoh masa penyelesaian kes sulh (secara rawak) di Mahkamah Syariah Negeri Kedah dari tahun 2011 hingga 2019	240
Jadual 26	Tempoh masa penyelesaian kes sulh (secara rawak) di Mahkamah Rendah Syariah Negeri Kedah dari tahun 2011 hingga 2019	242
Jadual 27	Tempoh masa penyelesaian kes sulh (secara rawak) di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Kedah dari tahun 2011 hingga 2019	242

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1	Tempoh masa penyelesaian kes şulh (secara rawak 75 kes) di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kota Setar Sumber: JKSNK 244
Rajah 2	Tempoh masa penyelesaian kes şulh (secara rawak 75 kes) di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kubang Pasu Sumber: JKSNK 247
Rajah 3	Tempoh masa penyelesaian kes şulh (secara rawak 75 kes) di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Padang Terap Sumber: JKSNK 249
Rajah 4	Tempoh masa penyelesaian kes şulh (secara rawak 75 kes) di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Kedah Sumber: JKSNK 253

SENARAI TRANSLITERASI

Ejaan yang digunakan dalam tesis ini berdasarkan sistem ejaan baru Bahasa Melayu. Manakala perkataan-perkataan Arab dieja berdasarkan sistem transliterasi seperti berikut:¹

HURUF ARAB	HURUF RUMI	BAHASA ARAB	VERSI RUMI
ا، ء، أ	a, ' (hamzah)	سواء	<i>Sawā'</i>
ب	b	باب	<i>Bāb</i>
ت	t	تجدید	<i>Tajdid</i>
ث	th	تراث	<i>Turāth</i>
ج	j	جامع	<i>Jāmi'</i>
ح	ḥ	حنيف	<i>Ḥanīf</i>
خ	kh	اخوان	<i>Ikhwān</i>
د	d	دار	<i>Dār</i>
ذ	dh	ماذا	<i>Mādhā</i>
ر	r	رسالة	<i>Risālah</i>
ز	z	تتريل	<i>Tanzīl</i>
س	s	السالكين	<i>al-Sālikīn</i>
ش	sh	شرح	<i>Sharḥ</i>
ص	ṣ	خصائص	<i>Khaṣā'iṣ</i>
ض	ḍ	ضلال	<i>Ḍalāl</i>
ط	ṭ	الفطرة	<i>al-Fiṭrah</i>
ظ	ẓ	ظلال	<i>Ẓilāl</i>
ع	'	عبد	<i>'Abd</i>
غ	gh	غريب	<i>Gharīb</i>
ف	f	فكر	<i>Fikr</i>

¹Pedoman Transliterasi Perkataan Arab ke Ejaan Rumi, Edisi Kedua, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2008.

ق	q	قاموس	<i>Qāmūs</i>
ك	k	كافي	<i>Kāfi</i>
ل	l	لسان	<i>Lisān</i>
م	m	مدارج	<i>Madārij</i>
ن	n	نستعين	<i>Nasta'īn</i>
و	w	واحدة	<i>Wāḥidah</i>
ه، ة	h, h (ketika dimatikan bunyinya) / t (Ketika dihidupkan bunyinya)	وحدة	<i>Waḥdah</i>
ي	y	يزيد	<i>Yazīd</i>

Sebutan Vokal Pendek			
Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh	Transliterasi
َ	A	سأل	<i>Sa'ala</i>
ِ	I	خسر	<i>Khasira</i>
ُ	U	نعبد	<i>Na'budu</i>

Sebutan Vokal Panjang			
Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh	Transliterasi
آ/إي	Ā	طه	<i>Ṭāhā</i>
ي	Ī	كريم	<i>Karīm</i>
و	Ū	علوم	<i>Ulūm</i>

Difhtong			
Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh	Transliterasi
او	Aw	قول	<i>Qawl</i>
اي	Ay	بين	<i>Bayna</i>
ي	Iyy/ī	عربي	<i>Arabiyy / Arabī</i>
و	Uww/ū	غلو	<i>Ghuluww / Ghulū</i>

SENARAI SINGKATAN

a.s	(عليه السلام) <i>'Alayhi al-salām</i> bererti sejahtera ke atasnya
c.	Cetakan
ETMMS	Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014
H	Hijrah
h.	Halaman/muka surat
IKIM	Institut Kefahaman Islam Malaysia
j.	Jilid
JH	Jurnal Hukum
JKSM	Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
JKSNK	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah
<i>Ibid</i>	<i>Ibidem</i> bererti sama dengan rujukan yang disebutkan di atas
M	Masehi
MRS	Mahkamah Rendah Syariah
MTS	Mahkamah Tinggi Syariah
<i>op.cit</i>	<i>Opere citato</i> bererti dalam sumber yang disebutkan
S.A.W	(صلى الله عليه وسلم) <i>Ṣallallah 'alayh wa sallam</i> bererti Allah berselawat dan memberi salam ke atasnya
S.W.T	(سبحانه وتعالى) <i>Subhānahu wa Ta'āla</i> yang bererti Yang Maha suci dan Maha Tinggi
SM	Sebelum Masehi
t.pt.	Tanpa penerbit
t.th.	Karya tanpa tarikh
t.tp.	Tanpa tempat

ANALISIS PELAKSANAAN ŞULĤ DI MAHKAMAH SYARIAH NEGERI KEDAH

ABSTRAK

ŞulĤ adalah salah satu kaedah penyelesaian pertikaian yang ditawarkan oleh Mahkamah Syariah Negeri Kedah. Kaedah ini digunakan untuk menyelesaikan pertikaian berkaitan tuntutan hak-hak selepas perceraian. Antara isu yang wujud dalam pelaksanaan kaedah şulĤ di negeri Kedah ialah bagaimana şulĤ diaplikasikan di Mahkamah Syariah Negeri Kedah menerusi terma-terma şulĤ yang menjadi perselisihan di kalangan fuqaha. Selain itu, terdapat juga dakwaan bahawa masih terdapat kes şulĤ yang mengurus pertikaian suami dan isteri berkaitan tuntutan selepas perceraian tidak dapat diselesaikan dengan baik seterusnya mengakibatkan tuntutan tersebut tertangguh prosidingnya. Berdasarkan permasalahan di atas, kajian ini dilakukan untuk mencapai beberapa objektif iaitu, mengkaji konsep şulĤ menurut syarak, menjelaskan keberkesanan pelaksanaan şulĤ di Mahkamah Syariah Negeri Kedah dan mengenalpasti faktor kelewatan untuk penyelesaian kes şulĤ di Mahkamah Syariah Negeri Kedah Darul Aman. Untuk mendapatkan data, kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan lapangan. Kaedah kepustakaan digunakan dengan merujuk kepada bahan-bahan bercetak dan tidak bercetak yang relevan dengan tajuk kajian. Dalam kajian lapangan kaedah temubual dengan beberapa pihak yang berkaitan secara ‘purposive sampling’ digunakan. Data-data yang dikumpul dianalisis berdasarkan kaedah analisis teks dan kualitatif secara induktif, deduktif dan komparatif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa şulĤ telah digunakan sebagai proses pra perbicaraan bagi menyelesaikan sebarang pertikaian yang timbul dalam perkara yang berhubung dengan perkahwinan dan perceraian. Penggunaan terma

التزاع, التراضي dan عَوْضِ dijadikan sebagai asas pelaksanaan şulḥ di Mahkamah Syariah Negeri Kedah. Hasilnya wujud keberkesanan pelaksanaan şulḥ ini sebagai salah satu kaedah menyelesaikan pertikaian yang berhubung dengan isu perkahwinan. Manakala bagi isu tempoh masa yang panjang, kajian ini mendapati antaranya berpunca dari sikap pihak yang bertikai sendiri selain beberapa faktor birokrasi yang perlu diperbaiki.

**AN ANALYSIS OF THE APPLICATIONS OF ŞULĤ IN THE SYARIAH
COURTS OF THE STATE OF KEDAH**

ABSTRACT

Şulĥ is one of the means for settling disputes that is provided by the Syariah Courts of the State of Kedah. This means is used to settle disputes pertaining to the rights of the parties in a postnuptial agreement. Among the issues that emerge in the application of şulĥ in the State of Kedah are the manners in which it is practiced in the Syariah Courts of Kedah whilst its terminologies are still widely debated among the *fuqahā*. Besides that, there are also claims of unsettled cases of şulĥ proceedings due to the inefficient management of the cases. Based on the problem statement above, this research aims to arrive at some objectives, namely: to explore the concept of şulĥ based on the Sharī‘ah; to explicate on the efficiency of the practice of *şulĥ* in the Syariah Courts of the State of Kedah, and to identify the factors that contribute to the long duration of settling the şulĥ disputes in the Syariah Courts of the State of Kedah. The research adopts the methods of library research and field research for the acquisition of the data required. The library research is adopted by referencing to printed and non-printed materials that are relevant to the title of the research. Meanwhile, in the method of field research, interviews are conducted according to the method of ‘purposive sampling’. The accumulated data are then analysed using the method of textual and qualitative analyses – inductive, deductive, and comparative. The research exhibits some findings, namely, that şulĥ is used as a pre-trial process to settle any emergent disputes pertaining to marriage and divorce matters. The use of the terms *al-niza*‘, *al-tarāđī*, and *‘iwađ* are made the foundation of the application of şulĥ in the Syariah Courts of the State of Kedah. As a result,

there is indeed efficiency in the application of şulh as a means of settling disputes. As for the long duration spent on the practice of şulh, this research finds that some of the factors to the problem include the personal attitudes of the disputant parties themselves as well as some bureaucratic factors that need to be improved.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Hubungan baik suami dan isteri adalah asas untuk mengekalkan kerukunan dalam sesebuah rumahtangga. Sekiranya wujud sebarang bentuk pertikaian, maka Islam menggalakkan kedua belah pihak yang bertikai untuk menyelesaikan pertikaian yang berlaku melalui kaedah perdamaian atau *ṣulḥ*. Ini berdasar firman Allah S.W.T;

وَإِنِ امْرَأَةٌ خَافَتْ مِنْ بَعْلِهَا نُشُوزًا أَوْ إِعْرَاضًا فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا أَنْ يُصَلِّحَا بَيْنَهُمَا صَلْحًا
وَالصُّلْحُ خَيْرٌ وَأُحْضِرَتِ الْأَنْفُسُ الشُّحَّ وَإِنْ تُحْسِنُوا وَتَتَّقُوا فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا

“Dan jika seorang perempuan bimbang nusyuz akan suaminya atau bersikap tidak melayani suaminya,² maka keduanya dapat mengadakan perdamaian yang sebenar, dan perdamaian itu lebih baik (bagi mereka) walaupun manusia itu menurut tabiat bakhil (kedekut). Dan jika kamu memperbaiki (pergaulan dengan isterimu) dan memelihara dirimu (dari nusyuz dan bersikap tidak melayani suamimu), maka sesungguhnya Allah S.W.T Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan”³

Ayat ini memberi gambaran berkaitan keharusan melakukan sebarang bentuk perdamaian (*الصُّلْحُ*) di antara suami dan isteri apabila telah berlaku pertikaian (*الْتِزَاعُ*) di dalam perhubungan mereka. Menurut al Qurtubī, perkataan *ṣulḥ* di dalam ayat ini adalah berbentuk lafaz am mutlak yang membawa maksud semua perdamaian yang

²Acuh tidak acuh.

³al-Quran, *al-Nisā'* (4):128

bertujuan menghilangkan sebarang pertikaian yang berlaku di antara suami dan isteri, termasuk juga urusan harta benda serta hubungan intim suami isteri.⁴

Manakala terdapat juga sumber hadis yang diriwayatkan oleh Ummu Kalthūm binti Uqbah bin Abū Mu‘ayṭ (r.a) yang merekodkan bahawa tidak dikira sebagai seorang pendusta ke atas individu yang mendamaikan (ṣulḥ) dua pihak yang bertikai.

" ليس الكذاب الذي يصلح بين الناس و يقول خيرا وينمي خيرا " قال ابن شهاب : " ولم أسمع يُرخص في شيء مما يقول الناس إلا في ثلاث : الحرب ، والإصلاح بين الناس ، وحديث الرجل امرأته ، وحديث المرأة زوجها ."

“Tidak termasuk pendusta orang yang mendamaikan antara sesama manusia, sehingga dia menyampaikan khabar baik atau mengucapkan kebaikan”. Berkata Ibn Shihāb: “Saya tidak mendengar baginda memberi keringanan dalam berdusta yang biasa diucapkan oleh semua manusia melainkan pada tiga keadaan: dalam peperangan, dalam mendamaikan orang (dua yang bertikai) dan ucapan suami berdusta kepada isterinya serta ucapan dusta isteri kepada suaminya”.⁵

⁴ Abū ‘Abdullah Muḥammad bin Ahmad bin Abū Bakr al-Anṣārī al-Qurṭubī (2006), *Al-Jāmi‘ li Ḥikmah al-Qur’ān wa al-Mubayyin lima Taḍammanahu min al-Sunnah wa Āyī al-Furqān*, (Tahqīq Dr. ‘Abdullah bin ‘Abd Al-Muḥsin Al-Turkī), Cet. 1, j. 7, Beirut: Mu’assasah al-Risālah., h. 165.

⁵ Abū ‘Abdullah Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī (2010), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, كتاب الكاذب ليس باب صلح كتاب الكاذب ليس باب صلح كتاب الكاذب ليس باب صلح بين الناس بين صلح الذي No. Hadis 2696, Kaherah, Dār Ibn Ḥazm., h. 323. Dr. Mūsa Shāhin Lāshīn (2002), *Fath al-Mun‘im fī Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim* pada منه المباح وبيان الكذب تحريم باب والآداب والصلة البر كتاب No. Hadis 5771, Juz. 10, Mesir, Dār al-Shurūq., h. 89. Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī (1986), *Fath al-Bārī fī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, باب الكاذب ليس باب الكاذب الذي ليس باب الكاذب الذي No. Hadis 2692, j. 5, Beirut: Dār al-Ma‘rifah., h. 299.

Faham melalui hadis di atas, adalah tidak termasuk golongan yang berdusta melainkan dalam tiga keadaan, iaitu ketika dalam peperangan, usaha mendamaikan orang (yang bersengketa) dan ucapan suami berdusta kepada isterinya atau ucapan dusta isteri kepada suaminya. Inilah yang telah dijanjikan oleh Rasulullah S.A.W bagi sesiapa yang memilih *ṣulḥ* sebagai medium penyelesaian pertikaian berbanding membiarkan pertikaian terus berlaku. Bahkan, perdamaian (*ṣulḥ*) yang berlaku ini ianya adalah berkaitan dengan suatu perkara yang dianggap memiliki maslahat yang besar iaitu yang disebutkan dalam hadis di atas mendamaikan dua pihak yang bertikai.

Berdasarkan sumber syarak di atas, menunjukkan itulah skop dan bidangkuasa *ṣulḥ* yang telah ditetapkan. Iaitu bertindak menyelesaikan sebarang bentuk konflik atau mendamaikan ke atas pertikaian yang berlaku. Bertitik tolak daripada itu, perbincangan tentang konsep dan pelaksanaan *ṣulḥ* adalah penting untuk dikaji kerana pada masa kini *ṣulḥ* telah berfungsi sebagai salah satu instrument yang paling penting di Mahkamah Syariah bagi menyelesaikan sebarang bentuk konflik dan pertikaian diantara suami dan isteri.

Sebagai bab pengenalan, bab ini memuatkan perbincangan terhadap permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, sorotan kajian, limitasi kajian dan organisasi kajian.

1.2 Permasalahan Kajian

Dewasa ini Mahkamah Syariah telah mengalami banyak perubahan sama ada di sisi pentadbiran, bidang kuasa, kompetensi pegawai dan juga kemudahan fasiliti berbanding dahulu. Walaupun begitu, Mahkamah Syariah terus menerima kritikan

dan cadangan penambahbaikkan daripada pelbagai pihak samada orang awam mahupun peringkat kerajaan. Banyak tulisan, komen dan pengaduan ketidakpuasan hati sesetengah individu yang pernah menjadi pelanggan mahkamah merungut terhadap pengurusan Mahkamah Syariah.⁶ Kritikan dan cadangan yang dibuat seolah-olah menampakkan Mahkamah Syariah masih memiliki kelemahan yang masih belum lagi diselesaikan. Apatahlagi hari ini, masyarakat sudah faham dan mula memperkatakan keberkesanan pengurusan pentadbiran Mahkamah Syariah khususnya melibatkan isu-isu hak-hak selepas perceraian. Keadaan ini juga disebut oleh Ahmad Khilmy bin Abdul Rahim melalui penemuan kajiannya di Mahkamah Syariah Alor Setar, kebanyakan kes mengambil masa yang lama diselesaikan. Hal ini kerana lambakan kes dan kekurangan kakitangan Mahkamah Syariah. Keadaan ini jika dibiarkan tanpa ada pembaikan, maka benarlah apa yang dikatakan. Malahan akan menggugat institusi Mahkamah Syariah yang mulia ini.⁷ Selanjutnya, kajian ini dibuat berdasarkan kepada beberapa dapatan permasalahan pelaksanaan *ṣulḥ* yang sedia wujud di Mahkamah Syariah Negeri Kedah. Antaranya ialah;

1. Punca kuasa untuk melaksanakan *ṣulḥ* bagi Mahkamah Syariah Negeri Kedah adalah berdasarkan peruntukan Seksyen 99 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Kedah Darul Aman) 2014.⁸ Peruntukan tersebut menunjukkan bahawa untuk menjalankan proses *ṣulḥ* ini, terdapat beberapa peruntukan undang-

⁶ Roshdan Sujak Rafie (2011), [Mahkamah Syariah perlu pembaharuan elak persepsi buruk](https://www.jakess.gov.my/v4/index.php/info-jabatan/arkib/berita), *Isnin*, 28 Mac 2011. <https://www.jakess.gov.my/v4/index.php/info-jabatan/arkib/berita>. Siti Fatimah Binti Abdul Rahman (2008), Benarkah Banyak Kes Perceraian Yang Tertangguh di Mahkamah Syariah, <http://www.ikim.gov.my/index.php/>.

⁸ Ogos 2008. Norashikin Leman (2016), *Anggap Mahkamah Syariah rumitkan, punca wanita berdepan kesulitan*, <https://www.bharian.com.my/node/137547>. 26 Mac 2016. <http://bankami.blogspot.com/2018/02/sampai-bila-mahkamah-syariah-mahu-terus>.

⁷ Ahmad Khilmy bin Abdul Rahim (2004) “*Penghakiman Mahkamah Syariah Alor Setar, Kedah Dari Tahun 1990-2000 Satu Analisis*” Ijazah Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. h. 177

⁸“Pihak-pihak dalam apa-apa prosiding boleh, pada mana-mana peringkat prosiding itu, mengadakan *ṣulḥ* bagi menyelesaikan pertikaian mereka mengikut apa-apa kaedah sebagaimana yang ditetapkan atau, jika tiada kaedah sedemikian, mengikut Hukum Syarak”.

undang yang perlu dirujuk sama ada melalui Kaedah-kaedah di bawah Enakmen Tatacara Mal dan jika tiada apa-apa kaedah enakmen tersebut, maka perlulah merujuk kepada kehendak Hukum Syarak. Berkaitan rujukan kepada hukum syarak, perbincangan *ṣulḥ*⁹ yang dibincangkan oleh fuqaha adalah terlalu luas,¹⁰ malahan wujud perbezaan pandangan dikalangan fuqaha berkaitan terma *ṣulḥ* dan pembahagian *ṣulḥ* itu sendiri. Terdapat tiga perbincangan dan beberapa perbezaan pandangan di kalangan fuqaha berkaitan terma *التزاع*, *تراضي* dan *عوض* bagi membolehkan pelaksanaan *ṣulḥ* ini terpakai. Berkaitan dengan terma *التزاع* “*pertikaian*”, terdapat kesepakatan di antara fuqaha al-Ḥanafī, al-Mālikī, al-Shāfi‘ī dan al-Ḥanbalī dengan menetapkan bahawa kewajipan adanya *pertikaian* terlebih dahulu sebelum proses *ṣulḥ* dilaksanakan. Bagi mereka, *التزاع* “*pertikaian*” itu adalah syarat untuk menjalani *ṣulḥ* dan ianya jelas pada definisi yang diberikan oleh mereka. Fuqaha al-Shāfi‘ī seperti al-Shirbinī, al-Nawāwī, Imām Ramlī menambah, *ṣulḥ* tanpa wujudnya *pertikaian* adalah batal. Ini adalah pandangan yang *aṣaḥ* di sisi mereka.¹¹ Berbeza pula pada fuqaha al-Mālikī, meskipun secara jelasnya mereka mensyaratkan mesti telah berlaku *pertikaian*. Pada masa yang sama mereka juga meluaskan ruang lingkup *التزاع* itu walaupun ianya masih belum berlaku atau berkemungkinan akan berlaku pada masa hadapan. Hal ini adalah berdasarkan kepada takrif mereka iaitu

⁹ Perkataan arab iaitu kata nama *صَلَحَ* *ṣalaha* فعل yang berasal dari kata kerja *صَلَحَ* *ṣalaha* فعل.

¹⁰ Yazid Ahmad & Iknor Azli Ibrahim (2008), *Bidang Kuasa Mahkamah Syariah dalam Kes Tuntutan Harta Orang Islam di Malaysia*, Jurnal Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies, vol. 30, h. 29.

¹¹ Shaykh Shams al-Dīn Muḥammad bin al-Khaṭīb al-Shirbinī (t.th.), *Mughn al-Muḥtāj ila Ma‘rifah Ma‘āni Alfāz al-Minhāj*, diselia oleh Muḥammad Khalīl ‘Itānī, j. 2, Beirut: Darul Ma‘rifah., h. 230, Imām al-Nawāwī (1982), *Rawḍah al-Ṭālibīn wa ‘Umdah al-Muḥtāj*, seliaan Zuhayr al-Shāwish, j. 4, (t.tp.): al-Maktab al-Islamī, h. 233, Shams al-Dīn Muḥammad bin Abī ‘Abbās Ahmad al-Ramlī (2003), *Nihāyah al-Muḥtāj ila Sharḥ al-Minhāj fī al-Fiqh ‘ala Mazhab al-Imām al-Shāfi‘ī r.a.*, j. 4, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 384.

pada perkataan *خوف و قوعه*. Seterusnya adalah terma *تراضي* iaitu “*secara sukarela atausaling meredhai antara satu sama lain*”. Mazhab al-Ḥanafī¹² menekankan penggunaan istilah *تراضي* sebagai satu syarat atau unsur untuk membolehkan kedua belah pihak menjalani proses *ṣulḥ*. Manakala Mazhab al-Mālikī, Mazhab al-Shāfi‘ī¹³ dan al-Ḥanbalī¹⁴ tidak menetapkan unsur *تراضي* untuk dijadikan sebagai satu syarat untuk menjalankan proses *ṣulḥ*. Ketiga; adalah berkaitan dengan isu *عوض* iaitu “*gantian*”. Ibn ‘Irfah,¹⁵ ‘Iyād¹⁶ dan Ibn Rusd¹⁷ dari kalangan fuqaha al-Mālikī mengemukakan elemen *عوض* di dalam mendefinisikan *ṣulḥ*. Seterusnya disisi Ibn ‘Irfah dan ‘Iyād gantian merupakan elemen yang utama mesti wujud setiap transaksi *ṣulḥ*. Ini bermaksud sekiranya diketepikan unsur gantian maka *ṣulḥ* dianggap batal.¹⁸ Manakala fuqaha selain al-Mālikī berbeza pandangan dengan tidak mensyaratkan *ṣulḥ* itu perlu adanya gantian. Hal ini disebabkan terdapat elemen lain yang boleh menamatkan sebarang bentuk pertikaian iaitu dengan menggugurkan dan melepaskan

¹² *Majallah al-Aḥkām al-‘Adliyyah*, artikel 1531, Muḥammad Qadrī Bāshā (1909), *Murshid al-Ḥayrān ila Ma‘rifah Aḥwāl al-Insān*, Mesir: al-Maṭba‘ah al-Amīriyyah, h. 272, al-Shaykh Nazzām wa Jamā‘ah min ‘Ulamā’ al-Hind (t.th.), *al-Fatāwa al-Hindiyyah*, j.4, (t.tp.): Dar al-Fikr, h. 228.

¹³ Imām al-Nawāwī (t.th.), *op.cit*, h. 192. Abū ‘Abdullah Muḥammad al-Anṣārī al-Raṣā‘ (1993), *Sharḥ Hudūd Ibn ‘Irfah al-Mawsūm al-Hidāyah al-Kāfī al-Shāfiyah li al-Bayān Ḥaqā’iq Imām Ibn ‘Irfah al-Wāfiyah*, Taḥqīq Muḥammad Abū al-Ajfan dan Ṭāhir al-Ma‘mūrī, j. 1, Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī, h. 421.

¹⁴ Shaykh Maṣṣūr bin Yūnus bin Idrīs al-Buhūṭī (t.th.), *Sharḥ al-Muntahaal-Irādāt Daqā’iq ūlī al-Nuha li Sharḥ al-Muntaha*, Taḥqīq ‘Abdullah bin ‘Abd al-Muḥsin al-Turkī, j. 3, (t.tp.): Mu’assasah al-Risālah Nāshirūn, h. 407.

¹⁵ Al-‘Allāmah Zayn al-Dīn bin Ibrāhīm, Ibn Nujaym (1993), *al-Baḥr al-Rā’iq Sharḥ Kanz al-Daqā’iq*, j. 7, Beirut: Dār al-Ma‘rifah, h. 255. Al-Ḥaṭṭāb, Abū ‘Abdullah Muḥammad bin Muḥammad bin ‘Abd al-Raḥmān (1992), *Mawāhib al-Jalīl li Sharḥ Mukhtaṣar al-Khalīl*, cet. 3, j. 5, (t.tp.): Dār al-Fikr, h. 79.

¹⁶ Muḥammad bin Yūsuf Aṭfīsh (1985), *Kitāb al-Nayl wa Shifā’ al-‘Alīl*, j. 3, Jeddah: Maktabah al-Irshād, h. 639.

¹⁷ *Ibid*,

¹⁸ *Ibid*. Lihat juga Ṣāliḥ ‘Abd al-Samī‘ al-Ābī al-Azharī (t.th.), *Jawāhir al-Iklīl Sharḥ al-‘Allāmah Khalīl fī al-Mazhab al-Imām al-Mālik.*, (t.tp.): Dār al-Fikr, h. 102.

hak (*ṣulḥ al-isqāt wa al-ibrā'*) atau dikenali (*ṣulḥ al-ḥaṭīṭah*) oleh fuqaha al-Shāfi'ī.¹⁹ Selain daripada perbezaan fuqaha berkaitan dengan tiga terma di atas, terdapat juga perbezaan pandangan para fuqaha berkaitan pembahagian *ṣulḥ inkār* dan *ṣulḥ sukūt* walaupun mereka bersepakat pada *ṣulḥ iqrār*.²⁰ Misalnya, *ṣulḥ inkār* dan *sukūt* ianya harus disisi mazhab al-Mālikī, al-Ḥanafī dan al-Ḥanbalī. Manakala mazhab al-Shāfi'ī pula berpendapat tidak harus melakukan *ṣulḥ* jika orang kena dakwa menafikan (*inkār*) dakwaan tersebut.²¹

Berdasarkan kepada perbezaan pandangan fuqaha berkaitan isu di atas, wujud beberapa persoalan yang perlu diperjelaskan untuk melihat bagaimana *ṣulḥ* diaplikasikan di Mahkamah Syariah Negeri Kedah menerusi terma *ṣulḥ* yang menjadi perselisihan dikalangan fuqaha untuk diamalkan dan ianya terpakai. Pada masa yang sama, adakah menjadi keperluan perlu adanya pertikaian ataupun tidak terlebih dahulu sebelum di terima ke Majlis Sulh?. Begitu juga dengan terma gantian adakah wujud atau tidak di dalam perjanjian persetujuan *ṣulḥ*?. Seterusnya terdapat beberapa aspek pembahagian dan kategori *ṣulḥ* (*ṣulḥ iqrār*, *ṣulḥ inkār* dan *ṣulḥ sukūt*) yang perlu dipertimbangkan agar ianya efektif dalam menyelesaikan isu pertikaian secara *ṣulḥ*. Oleh yang demikian satu kajian perlu dibuat berkaitan konsep *ṣulḥ* menurut Islam untuk mengenalpastikan sejauhmanakah pandangan-pandangan

¹⁹Abū al-Walīd Muḥammad bin Aḥmad bin Muḥammad bin Aḥmad, Ibn Rusḥd (1982), *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid*, j. 2, Beirut: Dār al-Ma'rifah, h. 294, al-'Allāmah Zayn al-Dīn bin Ibrāhīm, Ibn Nujaym (1993), *op.cit*, h. 256, Muḥammad 'Abdullah bin Aḥmad Ibn Qudāmah (1984), *al-Mughni*, j. 5, Beirut Lubnan: Dār Fikr, h.15, Maṣū' bin Yūnus al-Buḥuṭī (1982), *Kashāf al-Qanā'*, j. 3, Beirut Lubnan: Darul Fikir, h. 382. Imām Taqī al-Dīn Abū Bakar bin Muḥammad al-Ḥusaynī al-Ḥusnī (1993), *Kifāyah al-Akhyār fī Ḥall Ghāyah al-Ikhtisār*, j.1, Beirut: Dār al-Fikr h. 219, Abū Ishāq Burhān al-Dīn Ibrāhīm bin Muḥammad bin 'Abdullah bin Muḥammad bin Muflih (1982), *al-Mubdī' Sharḥ al-Muqni'*, j.4, Beirut: Maktabah al-Islāmī li al-Tab'ah wa al-Nashr, h. 279.

²⁰ Alā' al-Dīn, Samarqandī (1984), *Tuḥfah al-Fuqahā'*, j. 3, cet. 1, Beirut Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah., h. 249.

²¹ Sayyid Sābiq (2008), *Fiqh Sunnah*, Jakarta: Cakrawala Publishing, h. 427. Imam Taqiyy al-Dīn Abū Bakr bin Muḥammad al-Ḥusaynī al-Ḥusnī (1993), *op.cit*, h. 219

fuqaha berkaitan *ṣulḥ* diaplikasikan di Mahkamah Syariah Negeri Kedah dengan baik dan adakah pengamalan sekarang menepati konsep sebenar menurut syarak?.

2. Meskipun saban tahun Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri mengeluarkan laporan mengenai jumlah kes *ṣulḥ* yang telah diselesaikan. Namun, masih terdapat kes *ṣulḥ* yang mengurus pertikaian suami dan isteri berkaitan tuntutan selepas perceraian tidak dapat diselesaikan dengan baik seterusnya mengakibatkan tuntutan tersebut tertangguh prosidingnya.²² Misalnya suatu ketika dahulu pada tahun 2009, Raihanah Abdullah menyatakan dalam dapatan kajiannya berkaitan teguran dan kritikan yang sering dipaparkan dalam media massa, Mahkamah Syariah tidak cekap dalam pengendalian pentadbiran keadilannya dan personel mahkamah yang tidak profesional²³ yang menyebabkan suatu tuntutan dan permohonan tertangguh prosidingnya. Seterusnya pada tahun 2018, isu kes tertangguh ini masih lagi berulang sepertimana yang telah disebut oleh mantan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat iaitu Datuk Seri Rohani Abdul Karim;²⁴

“Banyak kes tertangguh perlu dipercepatkan agar wanita mampu meneruskan kehidupan selain kes penjagaan anak (*hadhanah*) yang mampu memberi kesan kepada seluruh keluarga terbabit”

Berdasarkan kepada isu yang berlaku telah memaksa Kerajaan untuk menubuhkan Mahkamah Khas Perkahwinan *Hadhanah* dan *Nafkah* bagi menyelesaikan secara

²²Harian Online (2018), “*Selesaikan Cepat Isu Gantung Tak Bertali*”, Jumaat (6 April 2018) Diakses pada 12 Jun 2020, <https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2018/04/408323/selesaikan-cepat-isu-gantung-tak-bertali>.

²³ Raihanah Abdullah (2009), *Penangguhan Kes di Mahkamah Syariah : Cabaran dan Penyelesaian*. Jurnal Syariah, Jil. 17, Bil. 1 (2009), hlm 2-3.

²⁴ Berita Harian, Rabu, 4 April 2018, *Mahkamah Khas Hadhanah Bantu Masalah Kahwin, Cerai*. Diakses pada 12 Jun 2020, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/04/407712/mahkamah-khas-hadhanah-bantu-masalah-kahwin-cerai>.

khusus tuntutan Hadhanah dan Nafkah yang telah dikategorikan sebagai isu yang amat kritikal hasil daripada perceraian.²⁵ Situasi ini juga berlaku di Mahkamah Syariah Negeri Kedah. Hal ini berdasarkan bilangan kes *ṣulḥ* yang sentiasa wujud dalam prosiding saban tahun iaitu dari tahun 2011 sehingga 2019. Oleh yang demikian untuk menentukan keberkesanan pengurusan kes-kes tuntutan selepas perceraian di Mahkamah Syariah Negeri Kedah, menjadi keperluan untuk melihat sejauh mana kaedah *ṣulḥ* berjaya menyelesaikan sebarang pertikaian yang timbul berhubung dengan isu tuntutan hak selepas perceraian?.²⁶

3. Seterusnya berkaitan kes tuntutan perceraian yang tertangguh, ianya akan memberi kesan kepada tempoh masa penyelesaian sesuatu kes yang telah difailkan di peringkat *ṣulḥ*. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Md Zawawi dan Abdul Rahman Khudzri di Mahkamah Syariah seluruh Malaysia menunjukkan bahawa kes tuntutan selepas perceraian mengambil tempoh masa yang panjang untuk diselesaikan dan menimbulkan banyak kesukaran kepada pihak isteri²⁷ untuk meneruskan kehidupan selepas perceraian. Dalam perkara yang sama, menurut mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkaitan isu tempoh masa yang panjang diambil oleh Mahkamah Syariah bagi menjalani sesuatu prosiding telah menghasilkan suatu tanggapan negatif masyarakat bahawa perkhidmatan di Mahkamah Syariah adalah lambat.²⁸ Malahan, disebut oleh

²⁵ Sinar Harian (2019), 26 September 2019, Diakses pada 12 Jun 2020, <https://www.sinarharian.com.my/article/49450/BERITA/Nasional/Mahkamah-Khas-Perkahwinan-Hadhanah-dan-Nafkah-dalam-rundingan>.

²⁶ Harian Online (2018), “*Selesaikan Cepat Isu Gantung Tak Bertali*”, Jumaat (6 April 2018) Diakses pada 12 Jun 2020, <https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2018/04/408323/selesaikan-cepat-isu-gantung-tak-bertali>.

²⁷ Md Zawawi Abu Bakar & Wan Ab Rahman Khudzri Wan Abdullah (2011), “*An Analysis on the Issues of the Rights of Spouses in the Islamic Family Law in Malaysia*”, International Journal of Business and Social Research, vol. 1/1 (2011): h. 94-108.

²⁸ Berita Harian (2018), “*Kahwin, Cerai, Gantung Tidak Bertali Diselesaikan Segera*”. (5 April 2018) Diakses pada 12 Jun 2020 <https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2018/04/408176/kahwin-cerai-gantung-tak-bertali-diselesai-segera>.

beliau, bahawa terdapat Mahkamah Syariah Negeri menguruskan kes pemberian nafkah dan pembayaran mutaah yang dibicarakan sehingga tertangguh melebihi dua tahun.²⁹ Situasi yang sama juga berlaku di Mahkamah Syariah Negeri Kedah dalam usaha menyelesaikan kes *ṣulḥ* ini. Misalnya bagi kes *ṣulḥ* yang rumit dan sukar untuk mendapat persetujuan di antara pihak yang bertikai. Ianya akan mengambil tempoh masa yang panjang untuk diselesaikan. Contohnya, kes Tuntutan Nafkah Isteri (018), dalam kes Siti Anira Binti Mohd Zain (Plaintif) lwn Wan Adian bin Fahmi (Defendan) (kes bil: 02001-018-0107-2013) yang telah mengambil masa 120 hari untuk diselesaikan. Kes ini telah didaftarkan pada 19 hb. Januari 2013 di Mahkamah Syariah Rendah Daerah Kota Setar. Manakala notis *ṣulḥ* dihantar untuk menghadirkan pihak-pihak ke majlis *ṣulḥ* pada 18 hb. Februari 2013, iaitu telah mengambil masa 31 hari untuk menghantar notis *ṣulḥ*. Keadaan ini menunjukkan bahawa, masa yang begitu lama diambil untuk menghantar notis *ṣulḥ* berbanding ketetapan yang telah diarahkan iaitu dalam tempoh masa tidak lebih 21 hari selepas kes didaftarkan. Seterusnya pada 19 hb. Mei 2013 pertemuan kali kedua dengan pihak-pihak di majlis *ṣulḥ* telah menghasilkan satu keputusan iaitu pihak plaintif telah menarik balik tuntutan nafkah isteri terhadap defendan. Berdasarkan contoh kes tersebut, terdapat kes *ṣulḥ* yang dikendalikan mengambil tempoh masa yang lama untuk diselesaikan. Pada posisi yang lain pula, perjalanan kes yang perlahan juga merupakan antara sebab yang akan memberi kesan kepada tempoh masa yang panjang perlu di ambil untuk menyelesaikan sesuatu kes *ṣulḥ*. Keadaan ini memberi kesan kepada pasangan suami dan isteri, terutamanya bagi pihak isteri selaku pihak yang membuat tuntutan (plaintif) dan menjadikan kes *ṣulḥ* itu samada gagal ataupun

²⁹Berita Harian Online (2014), “*Tetapkan KPI Bagi Selesai Kes Cerai, Nafkah Mutaah*”. (22 November 2014) Diakses pada 11 Julai 2020 <https://origin.bharian.com.my/berita/nasional/2014/11/19006/tetapkan-kpi-bagi-selesai-kes-cerai-nafkah-mutaah-jamil-khir>.

ketidakhadiran pihak-pihak.³⁰ Akibatnya, proses *ṣulḥ* yang melibatkan kes-kes tuntutan selepas perceraian akan mengambil masa yang lama untuk diselesaikan. Seterusnya melahirkan perasaan tidak hormat dan kurang keyakinan pihak-pihak yang bertikai terhadap posisi dan fungsi Mahkamah Syariah dalam menyelesaikan kes secara *ṣulḥ*.³¹ Malah, ianya menunjukkan bahawa Arahan Amalan JKSM berkaitan *ṣulḥ*, Manual Kerja Sulh JKSM serta garis panduan *ṣulḥ* yang dijadikan rujukan gagal diaplikasikan dengan baik.

Oleh yang demikian, berdasarkan kepada tiga permasalahan kajian di atas, menjadi satu keperluan untuk melakukan kajian ke atas pelaksanaan *ṣulḥ* sebagai satu kaedah penyelesaian pertikaian berkaitan tuntutan hak yang timbul selepas perceraian suami dan isteri menurut persepektif syarak. Pada masa yang sama kajian ini juga akan tertumpu kepada tahap keberkesanan pelaksanaan *ṣulḥ* dan tempoh masa yang diperlukan untuk menyelesaikan sesuatu kes *ṣulḥ*. Akhirnya, hasil kajian ini akan membantu pihak-pihak yang terlibat dalam pengamalan *ṣulḥ* samada pengerusi majlis *ṣulḥ* dan pihak yang bertikai dapat memahami secara mendalam dan tepat, selain daripada mengetahui teori dan pelaksanaan *ṣulḥ* yang dijalankan di Mahkamah Syariah.

³⁰ Zaleha Kamaruddin (2001), "*Wanita dan Kelewatan Kes di Mahkamah Syariah: Antara Realiti dan Persepsi*" dalam Raihanah Abdullah (ed.), *Wanita dan Perundangan Islam*, Selangor: Ilmiah Publishers, h. 38. Ahmad Hidayat Buang (2003), "*Faktor-faktor Penangguhan Kes-kes Mal di Mahkamah Syariah di Malaysia Berasaskan kepada Fail-fail Kes Mahkamah*", Kertas Kerja yang dibentangkan di Seminar Penyelidikan Projek Keberkesanan Mahkamah Syariah, Kuala Lumpur, 21 Oktober 2003, h.6. Raihanah Abdullah (2001), "*Wanita, Perceraian dan Mahkamah Syariah*" dalam Raihanah Abdullah (ed.), *Wanita dan Perundangan Islam*, Selangor: Ilmiah Publishers, h. 117; Maznah Mohamed (1999), "*Di mana berlaku Diskriminasi dalam Undang-undang Keluarga Islam*", dalam Abdul Monir Yaacob (ed.), *Undang-undang Keluarga Islam dan Wanita di Negara-negara ASEAN*, Kuala Lumpur: IKIM, h. 241.

³¹Sue Valquis Binti Md. Mashhor dan Md. Amin Bin Hj. Abdul Rahman (2004), "*Sulh; Konsep, Pelaksanaan dan Keberkesanannya Di Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah, Shah Alam*" Peringkat Projek Penyelidikan, Institut Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkormersilan (IRDC) Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, Selangor, h. 54.

1.3 Persoalan Kajian

Kajian ini secara khususnya akan cuba mencari jawapan kepada persoalan-persoalan berikut berasaskan kepada pernyataan masalah yang dikemukakan sebelum ini, iaitu:

- a. Apakah konsep şulh menurut syarak?.
- b. Sejauhmanakah tahap keberkesanan pelaksanaan şulh di Mahkamah Syariah Negeri Kedah?.
- c. Berapa lamakah tempoh masa pelaksanaan kes şulh di Mahkamah Syariah Negeri Kedah?.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini telah menggariskan beberapa objektif utama berdasarkan persoalan-persoalan kajian yang digariskan sebagai asas kepada proses mengumpul dan menganalisa data kajian, iaitu:

- a. Menjelaskan konsep şulh menurut Islam.
- b. Menjelaskan keberkesanan şulh yang dijalankan di Mahkamah Syariah Negeri Kedah.
- c. Menilai tempoh penyelesaian kes şulh di Mahkamah Syariah Negeri Kedah.

1.5 Kepentingan Kajian

Oleh kerana kajian ini mensasarkan analisis pelaksanaan şulh di Mahkamah Syariah Negeri Kedah, maka kajian ini adalah sangat penting atas justifikasi berikut:

- a. Meningkatkan pengetahuan kakitangan/pegawai berkaitan perbahasan fuqaha serta prinsip pelaksanaan dalam menyelesaikan kes kekeluargaan di Mahkamah Syariah Negeri Kedah menerusi kaedah *ṣulḥ*.
- b. Memudahkan proses pelaksanaan *ṣulḥ* melalui kaedah pelaksanaan dan garis panduan yang seragam.
- c. Membina keyakinan masyarakat terhadap fungsi dan keberkesanan *ṣulḥ*.

1.6 Sorotan Kajian Lalu

Kajian untuk mempertingkatkan dan menambahbaik Institusi Kehakiman Syariah sememangnya telah dibuat di seluruh dunia Islam, samada dari golongan akademik, profesional perundangan Islam ataupun tidak. Pelbagai aspek mengenainya telah dikupas sama ada dalam bentuk kitab fiqh klasik dan moden, penulisan buku, disertasi, latihan ilmiah, kertas kerja, artikel, jurnal dan sebagainya. Jelasnya, aspek yang dibincangkan adalah begitu dalam dan amat kritis ke arah memperkasakan institusi ini. Pada kajian ini, setelah melakukan sorotan kepustakaan, didapati telah wujud kajian-kajian yang tema kajiannya ada hubungkait dengan pelaksanaan *ṣulḥ* seperti sistem pentadbiran Mahkamah Syariah, urus tadbir hak-hak dalam perkahwinan Islam dan kaedah penyelesaian konflik berkaitan dengan kehidupan keluarga muslim.

Kajian dan penulisan lepas yang menjelaskan perihal *ṣulḥ* telah dihuraikan di dalam kitab-kitab fiqh klasik dan kontemporari mengikut perspektif hukum Islam. Perbincangan berkaitan *ṣulḥ* di dalam kitab-kitab fiqh kebanyakannya diletakkan di bawah bab *mu'āmalah*. Antara penulisan lepas peringkat fiqh klasik seperti *Murshid al-Ḥayrān ila Ma'rifah Aḥwāl al-Insān* yang ditulis oleh Muḥammad Qadrī Bāshā al-Ḥanafī yang membicarakan perihal pengertian *ṣulḥ*, hukum, pensyariatian dan

permasalahan berkaitan *ṣulḥ*. Demikian juga, kitab *Radd al-Muḥtār ‘ala al-Durr al-Mukhtār Tanwīr al-Abṣār* karangan Ibn al-‘Ābidīn yang juga membahasakan berkaitan definisi tentang *ṣulḥ*, hukum dan pensyariatan. Bagi fuqaha al-Mālikī pula, turut membahasakan pengertian, hukum dan dalil berkaitan *ṣulḥ*. Misalnya Ibn Rusḥd al-Qurṭubī menulis *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid*.

Karya lain di sisi ulama al-Shāfi‘ī turut mengupas isu berkaitan *ṣulḥ* seperti Khaṭīb al-Sharbinī dalam kitabnya *Mughn al-Muḥtāj ila Ma‘rifah Alfāz al-Minhāj*, Shaykh al-Islām Abū Yahya Zakariyyā al-Anṣārī pengarang *Fath al-Wahhāb bi Sharḥ Minhāj al-Ṭullāb*, Shams al-Dīn al-Ramlī dalam *Nihāyah al-Muḥtāj ila Sharḥ al-Minhāj fī Fiqh ‘ala Madhhab al-Imām al-Shāfi‘ī r.a*, al-Qalyūbī dan al-‘Amīrah, *Hashiyatā ‘ala Sharḥ al-Maḥallī ‘ala Minhāj al-Ṭālibīn fī Fiqh al-Shāfi‘ī* yang keseluruhannya di dalam kitab mereka membicarakan *ṣulḥ* secara terperinci dari aspek pengertian, hukum-hukum, pembahagian *ṣulḥ*, syarat-syarat serta permasalahan yang berkaitan dengan *ṣulḥ*.

Ibn Qudāmah al-Ḥanbalī yang menulis *al-Mughn* turut membincangkan pengertian, hukum dan dalil pensyariatan *ṣulḥ*. Al-Buhūtī menulis *Sharḥ Muntaha al-Irādāt Daqā’iq ulī al-Nuhali Sharḥ al-Muntaha* yang juga membahasakan pengertian *ṣulḥ*, rukun *ṣulḥ*, syarat *ṣulḥ* dan permasalahan *ṣulḥ*.

Manakala karya fiqh kontemporari pula, Sayyid Sābiq menulis *Fiqh Sunnah* yang membahasakan pengertian, hukum dan dalil pensyariatan *ṣulḥ* secara ringkas. Sementara itu Wahbah al-Zuhailī menulis *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* yang membincangkan secara terperinci tentang *ṣulḥ* dalam beberapa perbahasan yang meliputi pengertian, pensyariatan, rukun *ṣulḥ*, pembahagian *ṣulḥ*, hukum-hukum *ṣulḥ*, jenis *ṣulḥ* serta beberapa permasalahan yang berkaitan dengan *ṣulḥ*.

Seterusnya terdapat juga kajian dan penyelidikan berkaitan *ṣulḥ* dalam dunia akademik yang telah dilakukan oleh pelajar di institusi pengajian tinggi bagi tujuan memperolehi ijazah pertama, sarjana dan doktor falsafah.

Kajian oleh Saffiah binti Mohd Yusoff (2017)³² yang meneliti amalan *ṣulḥ* di peringkat Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang. Beliau juga menghuraikan *ṣulḥ* dari perspektif Islam yang meliputi pentakrifan *ṣulḥ*, dalil pensyariatan, rukun dan syarat *ṣulḥ*, jenis *ṣulḥ* dan hikmah pensyariatan *ṣulḥ*. Berkaitan dengan sasaran kajian iaitu isu *ḥaḍānah*, beliau membahaskan pandangan fuqaha madhhab dengan pelaksanaan perundangan sedia ada iaitu *ḥaḍānah* dalam Enakmen Keluarga Islam Pulau Pinang 2004. Dalam kajian ini juga, beliau mendapati bahawa masyarakat Pulau Pinang khususnya, kurang memahami bahawa Mahkamah Syariah adalah tempat rujukan terakhir untuk menyelesaikan persoalan-persoalan mengenai keluarga. Akibatnya, masyarakat begitu cepat mengajukan perceraian untuk disidang dan diputuskan oleh hakim berbanding diselesaikan secara kaedah lain. Misalnya, kaedah *ṣulḥ*, rundingcara dan sebagainya.

Kajian yang dijalankan oleh Sue Valquis Binti Md. Mashhor dan Md. Amin Bin Hj. Abdul Rahman (2004)³³ melihat keberkesanan pelaksanaan *ṣulḥ* melalui aspek statistik yang telah dikumpulkan berdasarkan statistik bulan Mei 2002 sehinggalah bulan Disember 2003. Kajian ini memperlihatkan bahawa antara isu permasalahan *ṣulḥ* ialah ketidakhadiran mana-mana pihak dan mengklasifikasikan ianya sebagai satu penghinaan kepada Mahkamah. Berkenaan dengan isu majlis *ṣulḥ*

³² Saffiah binti Mohd Yusoff (2017), "*Pelaksanaan Sulh Dalam Penyelesaian Sengketa Hadhanah (Studi Kasus di Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang)*" Ijazah Sarjanamuda (S1), Program Hukum Keluarga Fakultas Syariah dan Hukum Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau-Pekanbaru.

³³Sue Valquis Binti Md. Mashhor dan Md. Amin Bin Hj. Abdul Rahman (2004), "*Sulh; Konsep, Pelaksanaan dan Keberkesanannya Di Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah, Shah Alam*" Peringkat Projek Penyelidikan, Institut Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkormersilan (IRDC) Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, Selangor.

pula, kurangnya pendedahan dan pemahaman kepada khalayak awam dengan menyeluruh berkenaan modus operandi majlis şulh. Pada akhir kajian ini pengkaji mencadangkan agar pihak Mahkamah memastikan Pegawai Şulh diberi latihan khas untuk melengkapkan diri dengan kemahiran kaunseling, komunikasi dan bersifat sabar.

Menyentuh perkara yang sama, kajian Raihanah Binti Azahari (2005)³⁴ yang membincangkan sejarah pelaksanaan şulh di Malaysia secara umum. Manakala pada bab yang kelima, pengarang memfokuskan kepada perbincangan pelaksanaan şulh yang berbangkit dari perceraian yang berlaku di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor. Beliau juga membincangkan şulh pada sudut perundangan Islam, latar belakang amalan şulh bermula pada zaman awal Islam sehingga pasca penjajah. Namun begitu, masih terdapat isu-isu yang perlu diperjelaskan lagi, seperti manual pelaksanaan şulh dan perjalanan şulh itu sendiri. Terdapat saranan dalam kajian beliau untuk melihat kesan daripada keputusan hasil penyelesaian melalui şulh ini, adakah dilaksanakan ataupun tidak oleh pihak-pihak yang bertikai setelah memperolehi keputusan şulh itu berjaya.

Meneliti Tesis Atras Muhammad Bin Zain (2006)³⁵ yang mengkaji konsep şulh dalam pandangan Islam dan menganalisa proses pelaksanaan şulh di bawah Enakmen Kanun Prosuder Mal Syariah Negeri Selangor 1991. Fokus kajian ini ialah pelaksanaan şulh dalam konteks umum yang melibatkan penyelesaian melalui kaedah Kaunseling dan Rundingcara, Jawatankuasa Pendamai, *Hakam*, bantuan guaman syarie dan penyelesaian pihak-pihak secara bersendirian. Dinyatakan oleh

³⁴ Raihanah Binti Azahari (2005), "*Sulh Dalam Perundangan Islam; Kajian di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor Darul Ehsan*" Ijazah Doktor Falsafah (PhD), Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

³⁵ Atras Muhammad Bin Zain (2006), "*Pelaksanaan Sulh Di Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS): Kajian Kes Tahun 2003 di Mahkamah Rendah Syariah Hulu Langat*", Ijazah Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

penulis, secara umumnya tidak banyak kes yang telah diselesaikan melalui kaedah ini kerana tidak ada garis panduan yang jelas bagaimana dilaksanakan melainkan dengan kebijaksanaan para peguam syarie, hakim-hakim dan para pendaftar mahkamah syariah untuk melaksanakan penyelesaian secara *ṣulḥ*. Tambahan lagi proses utama ialah kepada perjalanan proses *ṣulḥ* itu dan bukanlah semata-mata destinasiya samada berjaya atau gagal. Hal ini kerana *ṣulḥ* adalah menghentikan pertikaian yang berlaku dan pihak-pihak yang bertikai tidak dipaksa untuk membuat keputusan.

Meneliti Tesis Azman Bin Ismail (2008)³⁶ berkaitan konsep *ṣulḥ* dalam Islam dan kajian perbandingan yang tertumpu kepada Mahkamah Syariah Negeri Selangor dan Mahkamah Syariah Singapura. Ternyata keberkesanan majlis *ṣulḥ* yang diadakan di Mahkamah memberi kesan yang positif, ini dibuktikan di mana *ṣulḥ* telah dapat menyelesaikan banyak kes-kes yang diadakan dan secara tidak langsung dapat menyegerakan penyelesaian. Azman mencadangkan agar diwujudkan Pusat *Ṣulḥ* yang berperanan merancang dan menyediakan latihan dan kemahiran kepada pegawai yang terlibat secara langsung dalam *ṣulḥ*.

Christina Ooi Su Siang (2017)³⁷ telah mengkaji berkaitan peranan mediasi sebagai salah satu alternatif penyelesaian pertikaian yang ditawarkan oleh Mahkamah Sivil di Malaysia. Kajian beliau berkisar berkaitan amalan mediasi yang dijalankan di Mahkamah Malaysia dari segi pencapaian matlamat mediasi, menjadikan mediasi sebagai satu mekanisme penyelesaian pertikaian, kemahiran dan pengalaman pihak pegawai mediasi, garis panduan yang digunakan dan tahap

³⁶ Azman Bin Ismail (2008), "*Prosedur Pelaksanaan Sulh: Kajian Perbandingan Di Antara Mahkamah Syariah Selangor Dan Mahkamah Syariah Singapura*", Ijazah Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

³⁷ Christina Ooi Su Siang (2017), "*Mediation and The Court On Settlement Of Disputes: An Analysis On Legislating Court-Directed Mediation In Malaysia*", Ijazah Doktor Falsafah (PhD), Fakulti Undang-undang Universtiti Malaya.

kepatuhan kepada tatacara, kaedah, prosedur, standard dan etika profesional yang seragam. Melalui kajiannya, penyelidik telah mencadangkan beberapa penambahbaikan bagi mempertingkatkan peranan mediasi sebagai salah satu bentuk perkhidmatan yang ditawarkan di peringkat Mahkamah Sivil bagi menyelesaikan isu pertikaian di antara dua orang yang bertikai. Antara cadangan penambahbaikan ialah menambahbaik garis panduan mediasi yang sedia ada, perlantikan hakim-hakim yang telah bersara iaitu mereka yang memiliki banyak pengalaman dalam penghakiman untuk menjadi pegawai mediasi dan meningkatkan serta memperluaskan skop mediasi daripada ruang lingkup yang sedia ada kepada kes yang besar dan mencabar.

Tesis Luqman al Khakimiy Bin Mohammad Ikhsan (2011)³⁸ mengkaji berkenaan dengan majlis *ṣulḥ* dan peranannya kepada permasalahan rumahtangga yang berlaku di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor. Didapati dalam kajian ini antara sebab kes *ṣulḥ* lambat diselesaikan adalah berpunca dari tidak ada sifat kerjasama daripada pihak yang bertikai terutamanya bagi pihak suami (defendan). Kegagalan pihak suami untuk menghadiri dan tidak berusaha untuk menyelesaikan pertikaian yang timbul merupakan penyumbang terbesar kepada kegagalan proses *ṣulḥ*.

Nor Aizza binti Zulkifli (2019)³⁹ telah melakukan penyelidikan akademik berkaitan isu perceraian di luar Mahkamah dengan menjadikan kes-kes perceraian yang terdapat di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kuala Terengganu sebagai pusat kajian. Kajian beliau juga akan meneliti dan mengetahui tatacara pengaturan

³⁸ Luqman al Khakimiy Bin Mohammad Ikhsan (2011), "*Majlis al-Ṣulḥ wa Dawruhu fī Hall Mashākil al-Ussrah : Fī Nizām Maḥākīm al-Shar‘iyyah bi Wilāyah Salanjūr*", Ijazah Sarjana, Kuliyyah Ilmu Wahyu (Fiqh Wa Usul Fiqh), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

³⁹ Nor Aizza binti Zulkifli (2019), *Efektivitas Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Terengganu Tahun 2017 Tentang Perceraian Luar Mahkamah (Studi Kasus Pada Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kuala Terengganu)*, Sarjanamuda (S1), Fakultas Syariah dan Hukum Jurusan Akhwalul Syakhsyah Universitas Islam Negeri Sumatera Utara Medan.

perceraian menurut Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Terengganu Tahun 2017. Hasil penelitian beliau, didapati bahawa perceraian di luar Mahkamah adalah merujuk kepada Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Terengganu Tahun 2017 berdasarkan ketentuan Seksyen 56. Penulis juga memuatkan dalam kajian ini, beberapa faktor penyebab akan terjadinya perceraian di luar Mahkamah. Penulis menghujahkan bahawa isu perceraian di luar mahkamah dan tanpa kebenaran mahkamah dapat dikurangkan jika masyarakat lebih peka dan berhati-hati dalam melakukan sesuatu hal atau diselesaikan diperingkat awal melalui perundingan (sulh).

Seterusnya kajian oleh Nor'asyikin Binti Hamzah (2018)⁴⁰ berkaitan isu kebajikan anak. Berdasarkan tinjauan yang dilakukan oleh penulis berkaitan isu ini, terdapat banyak kes yang melibatkan pengabaian terhadap kebajikan anak. Apatahlagi apabila institusi rumah tangga telah hancur. Penulisan ini telah memaparkan peruntukkan-peruntukan perlindungan dan kebajikan anak-anak dalam perundangan islam, konvensyen hak kanak-kanak 1989 dan Undang-undang Keluarga Islam yang beramal di Malaysia. Manakala pengabaian dan kecuaiian pula telah mendapat jaminan undang-undang dan boleh disabit di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 dan Kanun Keseksaan. Penulis juga telah memilih Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebagai lokasi sasaran kajian dengan meneliti fail-fail penghakiman kes haḍānah yang telah direkodkan dari tahun 2009-2011, kes permohonan poligami, kes permohonan pengesahan taraf anak dan kes permohonan perceraian secara persetujuan bersama (sulh). Hasilnya, didapati bahawa sekiranya dikecilkan lagi perbandingan dua cara penyelesaian kes tuntutan haḍāah ini sama ada

⁴⁰ Nor'asyikin Binti Hamzah (2018), "*Pelaksanaan Peruntukan Perlindungan dan Kebajikan Kanak-kanak Menurut Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia: Kajian Dari Perspektif Konvensyen Hak Kanak-kanak 1989*", Ijazah Doktor Falsafah (Phd), Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

melalui menemu bual anak dan tanpa menemu bual anak. Bagi kes tuntutan haḍānah yang selesai tanpa menemu bual anak, penyelesaian secara ṣulḥ adalah paling tinggi bilangan kesnya iaitu sebanyak 155 fail berbanding penyelesaian kes secara persetujuan bersama dan permohonan diluluskan yang masing-masing berjumlah 25 fail dan 13 fail dalam tempoh 3 tahun iaitu 2009-2011.

Kajian oleh Bahiyah Binti Ahmad (2015)⁴¹ berkaitan kadar tertentu nafkah isteri dan anak di Malaysia. Kajian ini juga turut mengemukakan satu standard pentaksiran nafkah yang menepati kriteria *kifāyah* dan *ma'rūf* yang dapat dipraktiskan dalam amalan kehakiman syariah di negara ini. Penulis telah meneliti kandungan terhadap kitab-kitab fiqh klasik dan kontemporarai berkaitan pentaksiran nafkah isteri dan anak. Misalnya, Muḥammad al-Namlah berpandangan menentukan kadar nafkah adalah wajib dan perlu mengikut 'urf, masa dan tempat, apabila syarak tidak menentukan perkara tersebut. Berkaitan dengan nafkah anak pula, penulis mendatangkan sepertimana yang dijelaskan dalam bahagian nafkah isteri, penetapan *kifāyah adna* tidaklah menghalang seseorang anak daripada mendapat nafkah yang lebih jika bapanya mampu. Ini kerana *kifāyah adna* adalah jaminan keperluan kepada anak tersebut untuk membesar dan hidup dengan sempurna.

Kajian lain yang dibuat oleh Ahmad Khilmy bin Abdul Rahim (2004)⁴² membincangkan peranan dan organisasi Mahkamah Syariah Negeri Kedah serta proses kehakiman yang berlaku. Dalam kajian ini, beliau juga memfokuskan kepada latar belakang sejarah dan organisasi Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah, objektif penubuhan dan bidangkuasanya, struktur organisasi dan proses penyelesaian

⁴¹ Bahiyah Binti Ahmad (2015), "*Penentuan Kriteria Kifāyah dan Ma'rūf Nafkah Isteri dan Anak di Malaysia*". Ijazah Doktor Falsafah (Phd), Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

⁴² Ahmad Khilmy bin Abdul Rahim (2004), "*Penghakiman Mahkamah Syariah Alor Setar, Kedah Dari Tahun 1990-2000 Satu Analisis*", Ijazah Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaya.

kes meliputi kes Mal, Jenayah, Faraid, Kes Rayuan dan Semakan Kes. Namun begitu beliau tidak menyentuh perbincangan *ṣulḥ* akan tetapi membicarakan proses-proses penghakiman yang dijalankan dengan menganalisis kes-kes Mal yang telah diputuskan hukumannya mulai tahun 1990 hingga 2000 yang di dalamnya terdapat kes-kes yang berbidang kuasa *ṣulḥ*.

Selain daripada kitab fuqaha dan penulisan akademik di atas, terdapat juga artikel dan jurnal yang turut membincangkan mengenai *ṣulḥ* sebagai kaedah penyelesaian pertikaian. Artikel yang di tulis oleh Mohamad Hafifi Hassim, Nor ‘Adha Ab Hamid Norazla Ab Wahab, Nurhafiza Raja Abdul Aziz, Roslinda Ramli dan Siti Noor Ahmad (2019) berkaitan Penyelesaian Pertikaian Alternatif Dalam Islam : Aplikasinya Terhadap Kes-Kes Kekeluargaan Dan Kehartaan Di Mahkamah Syariah.⁴³ Perbincangan dalam artikel ini menyentuh lima kaedah penyelesaian yang sangat digalakkan oleh Islam. Antaranya ialah *Ṣulḥ* (Rundingan atau Mediasi), *Taḥkim*, *Med-Arb* (Gabungan Mediation dan Arbitration), *Al-Muḥtasib* (Ombudsman) dan Pendapat pakar (Fatwa). Jesteru itu, tertubuhnya Mahkamah Syariah bertujuan bagi membantu masyarakat menyelesaikan masalah yang dihadapi terutamanya dalam isu-isu yang melibatkan kekeluargaan Islam. Berdasarkan kepada artikel ini, penyelesaian terhadap kes-kes kekeluargaan dan harta di Mahkamah Syariah berdasarkan kaedah yang tersedia dinyatakan dalam Islam, seperti *Ṣulḥ*, *Taḥkīm*, *Med-arb*, *al-Muḥtasib* dan fatwa merupakan alternatif penyelesaian yang sangat membantu pihak-pihak bertikai. Daripada bberapa kaedah yang disebutkan

⁴³ Mohamad Hafifi Hassim, Nor ‘Adha Ab Hamid Norazla Ab Wahab, Nurhafiza Raja Abdul Aziz, Roslinda Ramli, Siti Noor Ahmad (2019), “*Penyelesaian Pertikaian Alternatif Dalam Islam : Aplikasinya Terhadap Kes-Kes Kekeluargaan Dan Kehartaan Di Mahkamah Syariah* e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor Vol. 6 No.2 (September 2019).

dalam artikel ini, proses *ṣulḥ* lebih mendapat perhatian daripada pihak-pihak yang bertikai dan proses *ṣulḥ* juga merupakan proses yang jimat kos dan masa.

Artikel seterusnya berkaitan dengan Pelaksanaan *Ṣulḥ* Dalam Kes Melibatkan Tuntutan Hartanah Orang-orang Islam di Mahkamah Syariah di Malaysia: Tinjauan Terhadap Kajian Lepas⁴⁴ yang ditulis oleh Wan Azimin Wan Adnan dan Ahmad Hidayat Buang (2019). Merujuk kepada artikel ini, pengkaji telah menyentuh tiga subtajuk bagi tujuan perincian iaitu konsep *ṣulḥ* dalam perundangan Islam, pelaksanaan *ṣulḥ* di Mahkamah Syariah dan bidangkuasa Mahkamah Syariah dalam pentadbiran hartanah. Walaupun terdapat pelbagai huraian berkaitan dengan *ṣulḥ* dijelaskan di dalam kajian ini, pengkaji telah menyebut bahawa aspek ini tidak memberi kesan pada sudut pemahaman konsep asasnya kerana ianya bergantung kepada pelaksanaan *ṣulḥ* sama ada dilaksanakan secara formal di mahkamah atau tidak formal. Ini kerana, perjanjian penyelesaian secara *ṣulḥ* dari sudut perundangan hanya diperakui apabila kedua-dua pihak menggunakan perkhidmatan Mahkamah Syariah sebagai tempat untuk rujukan. Manakala apa-apa terma perjanjian yang dibuat tanpa perintah mahkamah dan tanpa melalui proses perundangan yang sah tidak diperakui oleh mahkamah, walaupun dari sudut Hukum Syarak setiap Muslim itu hendaklah menyempurnakan janjinya. Oleh itu, setelah perjanjian termeterai di mahkamah satu perintah mahkamah dikeluarkan. Sekiranya gagal atau tiada persetujuan maka kes akan diteruskan untuk perbicaraan. Berdasarkan kepada kajian artikel ini, didapati *ṣulḥ* adalah bersifat umum dan boleh menyelesaikan apa jua permasalahan yang berkaitan perselisihan yang menyebabkan pertikaian sama ada hak kekeluargaan mahupun isu hartanah.

⁴⁴ Wan Azimin Wan Adnan dan Ahmad Hidayat Buang (2019), "*Pelaksanaan Sulh Dalam Kes Melibatkan Tuntutan Hartanah Orang-orang Islam di Mahkamah Syariah di Malaysia: Tinjauan Terhadap Kajian Lepas*" *Journal of Shariah Law Research (JSLR)* (2019) vol. 4 (1), h. 27-54.

Selanjutnya, artikel yang ditulis oleh Raihanah Abdullah (2009) yang bertajuk “Penangguhan Kes di Mahkamah Syariah: Cabaran dan Penyelesaian”⁴⁵ telah membincangkan mengenai punca-punca penangguhan sesuatu kes di Mahkamah Syariah. Setelah diselidiki terdapat beberapa punca penangguhan sesuatu kes di Mahkamah Syariah; iaitu terdapat hubungkait jumlah kes tersebut yang tertangguh dengan beban tugas dan jumlah Hakim-hakim di negeri-negeri yang dikaji. Sebagai langkah penyelesaian kes penangguhan ini, penulis telah mencadangkan *ṣulḥ* sebagai alternatif penyelesaian. Ini kerana antara matlamat pelaksanaan *ṣulḥ* adalah untuk mempercepatkan proses keadilan Mahkamah Syariah pada masa yang sama mengatasi lambakan kes-kes tertangguh di Mahkamah Syariah.

Seterusnya artikel yang ditulis oleh A. Ahmad, A. Yaakob, K. W. Mohd, N. A. Mohd Awal, dan M. A. A. Samuri (2015) yang bertajuk “Hak Penyertaan Kanak-Kanak dalam Prosiding *Ṣulḥ* (Mediasi) Di Mahkamah Syariah”.⁴⁶ Artikel ini telah membincangkan berkaitan isu hak bersama suami dan isteri iaitu hak anak yang meliputi hak jagaan anak dan nafkah anak. Penulis menyatakan dalam penulisan ini, walaupun kes kendalian *ṣulḥ* agak memberangsangkan bagi kes mut‘ah, harta sepencarian, nafkah ‘iddah, nafkah anak dan hak jagaan anak. Isu persepakatan antara pihak-pihak bertikai dalam proses *ṣulḥ* sebenarnya dilihat agak sukar untuk dicapai memandangkan hanya separuh sahaja bilangan kes yang berjaya mencapai persepakatan berbanding bilangan kes daftar. Berdasarkan kepada penulis ini, didapati bahawa peruntukan perundangan yang sedia ada dalam pelaksanaan *ṣulḥ* di

⁴⁵ Raihanah Abdullah (2009), “*Penangguhan Kes di Mahkamah Syariah: Cabaran dan Penyelesaian*” *Jurnal Syariah*, Jil. 17, Bil. 1 (2009) 1-30.

⁴⁶ A. Ahmad, A. Yaakob, K. W. Mohd, N. A. Mohd Awal, dan M. A. A. Samuri (2015), “*Hak Penyertaan Kanak-Kanak dalam Prosiding Sulh (Mediasi) Di Mahkamah Syariah*”, *Journal of Advanced Research Design*, ISSN (online): 2289-7984 | Vol. 15, No. 1, h. 1-14.

Mahkamah Syariah adalah komprehensif untuk pengurusan konflik kekeluargaan yang melibatkan pasangan bertikai. Penulis mencadangkan supaya diwujudkan garis panduan yang komprehensif bagi prosedur keadilan keluarga dengan mengambil kira dan mengadaptasi rencah perundangan kekeluargaan luar dan antarabangsa berhubung hak kanak-kanak ini bagi membolehkan pengerusi sidang majlis *ṣulḥ* menyuarakan pendapat dalam konflik kekeluargaan ini.

Selain itu, Nur Khalidah Dahlan, Mohd. Rizal Palil, Mohamad Abdul Hamid dan Noor Inayah Yaakub (2017) yang turut membincangkan “Kaedah Penyelesaian Pertikaian Alternatif Dari Sudut Syariah Di Malaysia”.⁴⁷ Pada artikel ini, penulis telah membincangkan secara ringkas berkaitan kaedah penyelesaian yang ditawarkan di peringkat Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil. Disebutkan juga dalam penulisan ini beberapa contoh kaedah penyelesaian pertikaian yang boleh dirujuk sebagai alternatif bagi mencapai penyelesaian. Kaedah ini di panggil kaedah penyelesaian pertikaian alternatif iaitu seperti kaedah Arbitration (timbang tara / tahkim), Mediation (pengantaraan), Conciliation (perdamaian), Kepakaran pakar dan *Ṣulḥ* (perbincangan, pengantaraan/perdamaian). *Ṣulḥ* adalah salah satu kaedah penyelesaian pertikaian alternatif yang ditubuhkan secara khusus dan asing daripada pentadbiran mahkamah. Dengan itu, masyarakat mempunyai pilihan sama ada menyelesaikan kes secara damai atau sebaliknya.

Artikel seterusnya yang ditulis oleh Tarmizi M. Jakfar dan Nur Azizah Fayyadhah Binti Baharuddin (2018) yang bertajuk “Peran Majelis *Ṣulḥ* dalam Penyelesaian Hak Hadhanah Pasca Perceraian (Studi Kasus di Mahkamah Syariah

⁴⁷ Nur Khalidah Dahlan, Mohd. Rizal Palil, Mohamad Abdul Hamid dan Noor Inayah Yaakub (2017), “Kaedah Penyelesaian Pertikaian Alternatif Dari Sudut Syariah Di Malaysia”, *Journal of Nusantara Studies* 2017, Vol 2(1), Universiti Sultan Zainal Abidin ISSN 0127-9386 (Online), h. 86-98

Kabupaten Tawau, Provinsi Sabah, Negara Malaysia)”.⁴⁸ Berdasarkan penulisan ini, penulis menyatakan bahawa pelaksanaan *ṣulḥ* di dalam undang-undang di Malaysia adalah berdasarkan undang-undang syariah setiap negeri masing-masing yang mana pelaksanaannya adalah dalam bentuk satu majlis dan dikenali sebagai majlis *ṣulḥ*. Seterusnya majlis *ṣulḥ* pula mempunyai bidang kuasa dalam pendengaran kes yang melibatkan pertikaian yang timbul dalam tempoh perkahwinan berlangsung dan tuntutan yang tercetus pasca perceraian. Melalui penulisan ini, bolehlah dikatakan bahawa kaedah penyelesaian melalui konsep *ṣulḥ* telah menunjukkan hasil yang positif. Ini berdasarkan kepada jumlah kes yang berjaya diselesaikan berbanding kes gagal dan kes tidak hadir.

Nor’Adha Abdul Hamid, Mohamad Hafifi Hassim, Norazla Ab Wahab, Tuan Nurhafiza Raja Abdul Aziz, Roslinda Ramli dan Siti Noor Ahmad (2019) menulis artikel yang bertajuk “Alternative Dispute Resolution (Adr) Via *Ṣulḥ* Processes”.⁴⁹ Pada penulisan ini, terdapat lima Proses Penyelesaian Pertikaian Alternatif dalam Islam yang telah dihuraikan secara ringkas di dalam penulisan ini iaitu; *Ṣulḥ* (Rundingan atau Mediasi), Tahkim (Timbang Tara), Med-Arb (Gabungan Mediation dan Arbitration), *Muhtasib* dan Fatwa. Lima kaedah penyelesaian ini sekiranya diaplikasikan dengan tepat akan dapat menghentikan salah faham dan perselisihan serta mengeratkan hubungan. Dalam penulisan ini juga dihuraikan secara ringkas berkaitan pembahagian *ṣulḥ* iaitu, *ṣulḥ iqrār*, *ṣulḥ ĩnkar* dan *ṣulḥ sukūt*. Akhir penulisan, penulis menekankan pelaksanaan *ṣulḥ* harus terikat dengan jenis isu yang

⁴⁸Tarmizi M. Jakfar dan Nur Azizah Fayyadhah Binti Baharuddin (2018), ISSN: 2549 – 3132; E-ISSN: 2549-3167 “Peran Majelis Sulh dalam Penyelesaian Hak Hadhanah Pasca Perceraian (Studi Kasus di Mahkamah Syariah Kabupaten Tawau, Provinsi Sabah, Negara Malaysia)”. Jurnal Hukum Keluarga dan Hukum Islam Volume 2 No. 1. Januari-Juni 2018, Fakultas Syaria’ah dan Hukum UIN Ar-Raniry. <http://jurnal.arraniry.ac.id/index.php/samarah>.

⁴⁹Nor’Adha Abdul Hamid, Mohamad Hafifi Hassim, Norazla Ab Wahab, Tuan Nurhafiza Raja Abdul Aziz, Roslinda Ramli dan Siti Noor Ahmad (2019), “Alternative Dispute Resolution (adr) Via Sulh Processes” International Journal of Law, Government and Communication, 4(17), 25-33. Volume: 4 Issues: 17 December, 2019).